

Pengguguran dan Justifikasi Perundangan Mengikut Undang-undang Islam dan Peruntukan Seksyen 312 Kanun Keseksaan

Siti Khatijah Ismail
Mohd. Badrol Awang

Abstrak

Isu pengguguran janin banyak mencetuskan pro dan kontranya apabila dianalisis dari pelbagai perspektif. Terdapat golongan yang menentang dengan alasan ianya adalah suatu perbuatan jenayah membunuh jiwa manakala satu golongan lagi membolehkannya atas alasan kebebasan dan hak peribadi. Kedapatan juga satu golongan lain mengharuskannya atas justifikasi-justifikasi tertentu sahaja. Kertas kerja ini akan mengupas justifikasi-justifikasi yang membolehkan pengguguran janin dilakukan mengikut peruntukan perundangan semasa dan juga pandangan fuqaha Islam. Melalui analisis karya ulama fiqh serta temu bual bersama pakar obstetrik dan ginekologi, kajian mendapati fuqaha Islam tidak mengharuskan pengguguran dilakukan selepas kandungan berusia 120 hari kecuali untuk menyelamatkan ibu yang mengandung. Peruntukan undang-undang pula mensyaratkan kehadiran tiga indikasi perubatan sahaja yang mengharuskan pengguguran dilakukan iaitu untuk menyelamatkan nyawa ibu, berlaku kecacatan janin yang teruk dan kemungkinan berlaku kecederaan kesihatan fizikal dan gangguan mental yang teruk kepada ibu yang mengandung.

Kata kunci: pengguguran; hak untuk hidup; seksyen 312 Kanun Keseksaan.

Abstract

The issue of abortion has generated a lot of pros and cons when analyzed from various perspectives. There are those who oppose the practice on the ground that it is a criminal act to kill the soul while the other permits it on the ground of freedom and personal rights and that there is another group which approves the practice on certain justifications. This paper will discuss on the justifications allowing abortion to be performed in light of the provisions of law and the views of Muslim jurists. Through the analysis of Muslim jurists literatures and several interviews had been conducted to Obstetrician and Gynecologist, the study found that Muslim jurists do not approve abortion conducted after 120 days of pregnancy unless it was done to save the pregnant mother. Whereas the provisions of the law require the presence of three medical indications to justify the abortion, they are to save the life of the pregnant mother, severe deformity of the fetus, and the high risk of physical injury and severe mental disorder to the pregnant mother.

Keywords: abortion; the right to life; section 312 of the Penal Code.

Pendahuluan

Isu pengguguran kandungan merupakan suatu isu yang sering diperkatakan dalam masyarakat yang mengamalkan gaya hidup serba moden kini. Media cetak dan elektronik kerap melaporkan kes-kes berkaitan pengguguran haram dengan peningkatan peratusannya. Pengguguran kandungan ini telah membarah dalam masyarakat, antara lainnya merupakan kesan daripada kecanggihan perubatan moden yang telah berjaya mengurangkan kos dan kesakitan kepada wanita yang bertekad untuk menggugurkan kandungan. Ini berlaku terutamanya dalam kalangan wanita yang mengandung di luar

perkahwinan. Pengguguran janin juga berleluasa dalam kalangan wanita berkahwin dan berkerjaya yang tinggal di bandar-bandar besar atas alasan belum bersedia menimang cahaya mata kerana ingin membina karier terlebih dahulu, atau bimbang bebanan hidup bertambah (Agence France-Prese (AFP) 2012). Lebih teruk daripada itu, janin telah dijadikan sebagai barang dagangan yang sangat laris di pasaran haram sehingga laku banyak penyeludupan untuk membawa masuk janin secara haram ke negara-negara tertentu (Norlaila Hamima 2012). Melihat kepada realiti tersebut, justifikasi-justifikasi pengguguran dari segi undang-undang Islam dan juga peruntukan perundangan semasa adalah penting untuk diketengahkan dalam masyarakat agar ia dijadikan pertimbangan sebelum sesuatu prosedur menggugurkan kandungan dijalankan. Ini dapat memastikan pengguguran yang dilakukan selaras dengan ajaran agama dan tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Hak dan Jaminan untuk Hidup

Perkara 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat Bangsa-bangsa Bersatu dengan jelas telah memberi jaminan hak untuk hidup kepada seseorang (Warren 1993, 131). Walaupun begitu perbincangan hangat berlaku berkait dengan status janin sama ada ia boleh dianggap sebagai 'seseorang' atau tidak untuk dicakupi di bawah Perkara 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat mahupun Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Fortin 1998, 51 MLR 54). Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merupakan undang-undang tertinggi negara juga telah meletakkan jaminan hak seseorang untuk hidup di bawah tajuk Kebebasan Asasi melalui peruntukan Perkara 5 yang menyatakan tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya kecuali menurut undang-undang. Hal ini adalah suatu pengiktirafan perundangan yang besar bagi menjamin perlindungan nyawa yang boleh dilakukan oleh sesebuah negara dalam konteks peruntukan perundangan bertulis dunia moden. Malahan, Malaysia juga telah menubuhkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia pada tahun 1999 yang antara lainnya berfungsi untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan pendidikan mengenai isu-isu hak asasi manusia (Abdul Rahman 2006, 14: 33).

Selain itu, Dasar Sosial Negara melalui objektifnya yang kedua iaitu untuk membangun dan memperkasa insan sepanjang hayat telah menjelaskan bahawa segala tindakan adalah bertujuan untuk membangun dan memperkasa setiap individu tanpa membezakan kumpulan etnik, agama, budaya, gender, wilayah, fahaman politik, taraf perkahwinan dan keupayaan fizikal, di samping mengambil kira kepekaan terhadap keperluan dan kehendak jantina. Objektif ini digariskan bagi memastikan individu dapat menggunakan dan meningkatkan sumber serta kebolehan sendiri secara optimum bagi mencapai matlamat sendiri dan masyarakat pada setiap peringkat kitaran hidup. Oleh itu, usaha berterusan diperlukan bagi memastikan setiap individu memberi dan menerima kemesraan dan kasih sayang sepanjang hayat.

Bagi merealisasikan objektif ini, beberapa strategi telah disusun dalam Dasar Sosial Negara sebagai langkah dan pelan tindakannya. Salah satu strategi yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan dalam artikel ini ialah menjamin hak janin atau kandungan untuk hidup dan berkembang dalam keadaan selamat dan sihat tanpa diganggu oleh ancaman dan eksploitasi.

Secara umumnya, pembentukan Dasar Sosial Negara sebenarnya telah mengambil kira kepentingan dan hak anak untuk hidup sekalipun masih di peringkat janin. Hal ini menggambarkan betapa pentingnya menjaga keselamatan janin sebagai satu entiti yang bakal mencorakkan masyarakat di mana ia akan berada kelak.

Pengertian Pengguguran

Pengguguran yang disebut sebagai *al-ljhad* (الْإِجْهَاضُ) dalam Bahasa Arab adalah merupakan kata terbitan bagi perkataan *ajhada* (أَجْهَضَ) yang bermaksud menggugurkan (Mustafa Ibrahim et.al 1972,

143). Kata-kata *ajhadat al-mar'ah waladaha* (أَحْضَتُ الْمَرْأَةُ وَلَدَهَا) bermaksud perempuan itu telah menggugurkan kandungannya yang tidak sempurna kejadiannya (al-Fayyumi t.th., 45). Dalam bahasa Inggeris, perkataan *abortion* digunakan dengan maksud penamatan kehamilan, keguguran atau pembuangan janin dari rahim sebelum tamat tempoh kehamilan yang normal (Oxford Dictionary of Law 1997, 2). Dari sudut perundangan, pengguguran telah ditakrifkan sebagai pembuangan anak atau janin secara pra-matang dari rahim ibu dalam mana-mana tempoh mengandung sebelum tempoh kehamilan matang (Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes 1998, 1566). Dalam dunia perubatan terdapat tiga jenis pengguguran kandungan iaitu:

1. Pengguguran kandungan spontan atau semula jadi (*abortus spontaneus*).
2. Pengguguran kandungan buatan atau sengaja (*abortus provocatus criminalis*).
3. Pengguguran kandungan terapeutik atau perubatan (*abortus provocatus therapeuticum*).

Pengguguran kandungan spontan atau *abortus spontaneus* berlaku secara semula jadi tanpa tindakan atau campur tangan manusia. Kebanyakannya disebabkan kualiti sel telur dan sel sperma yang kurang baik. Pengguguran kandungan buatan atau sengaja (*abortus provocatus criminalis*) pula adalah disebabkan oleh tindakan atau usaha untuk mengakhiri kehamilan sebelum usia kandungan 20 minggu atau berat janin kurang daripada 500 gram sebagai suatu akibat tindakan yang disengajakan dan disedari sepenuhnya oleh ibu ataupun oleh pihak ketiga contohnya doktor, bidan atau bomoh. Pengguguran kandungan terapeutik atau nama saintifiknya *abortus provocatus therapeuticum* pula adalah pengguguran kandungan yang dilakukan berdasarkan indikasi perubatan. Sebagai contoh, wanita hamil yang mempunyai penyakit tekanan darah tinggi kronik atau penyakit jantung yang kritikal yang dapat membahayakan kedua-dua ibu mahupun bayi yang dikandungnya. Pengguguran atas alasan perubatan ini memerlukan pertimbangan perubatan yang matang dan tidak tergesa-gesa (McLaren 1978, 240).

Secara umumnya, perkataan keguguran mahupun pengguguran adalah merujuk kepada proses yang sama iaitu pembuangan embrio atau janin daripada rahim sebelum tamatnya tempoh kehamilan yang biasa sama ada secara semula jadi ataupun secara paksaan atau sengaja (Harpwood 1996, 217). Namun begitu, yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah pengguguran secara sengaja atau cetusan (*induced abortion*) dengan menfokuskan kepada pengguguran terapeutik yang dilakukan untuk menyelamatkan nyawa atau kesihatan ibu (Kamus Jururawat 2001, 2; al-Siba'i 1975, 1) atau juga dikenali sebagai *al-ijhad al-tibb* (Mahmud Musa t.th., 101).

Undang-Undang Pengguguran di Negara-negara Barat

Isu pengguguran janin di samping merupakan suatu isu perundangan, ia juga berkait rapat dengan isu etika dan akhlak. Oleh itu didapati muncul perdebatan banyak pihak apabila mengupas isu ini. Di negara-negara barat, telah berlaku perdebatan yang hangat berkenaan pengguguran undang-undang berkaitan pengguguran. Antara isu yang diperdebatkan ialah menyentuh persoalan fetus sama ada ianya boleh dikategorikan sebagai 'seseorang' (Fortin 1988, 51 MLR, 54) dan persaingan hak antara hak fetus untuk hidup dan hak ibu mengandung untuk memilih sama ada mahu mempunyai anak atau tidak. Tulisan ini akan mengenengahkan perkembangan undang-undang pengguguran di England dan Wales serta Republik Ireland untuk dijadikan panduan perundangan di Malaysia sama ada dari segi prosedur mahupun substantif memandangkan Malaysia belum mempunyai akta yang khusus berkait dengan pengguguran.

Perkembangan Undang-undang di England dan Wales

Perkembangan undang-undang pengguguran di England dan Wales menarik untuk diketengahkan. Sebelum 1803 undang-undang umum England membenarkan pengguguran janin dengan syarat ia dilakukan sebelum tahap yang diistilahkan sebagai '*quickening*' yang biasanya berlaku pada minggu

ke 20-24 tempoh mengandung. Dalam tempoh tersebut dipercayai roh akan masuk ke dalam jasad janin. Pengguguran pada masa tersebut merupakan satu kesalahan tetapi tiada hukuman khusus yang dikenakan.

Pada tahun 1861 Parlimen England meluluskan *The Offences Against the Persons Act* (OAPA) 1861. Seksyen 58 akta tersebut menetapkan pengguguran sebagai satu kesalahan jenayah dalam apa keadaan sekalipun yang boleh dihukum dengan penjara sehingga seumur hidup walaupun pengguguran dilakukan atas sebab-sebab perubatan (Mason 1990,10). Seksyen 58 OAPA 1861 memperuntukkan sebagaimana berikut:

Every woman, being with child, who with intent to procure her own miscarriage, shall administer to herself any poison or other noxious thing, or shall unlawfully use any instrument or other means whatsoever with the like intent, and whosoever, with intent to procure the miscarriage of any woman, whether she be or be not with child, shall unlawfully administer to her or cause to be taken by her any poison or other noxious thing, or shall unlawfully use any instrument or other means whatsoever with the like intent, shall be guilty of felony, and being convicted thereof shall be liable to be kept in penal servitude for life.

Undang-undang ini berkuatkuasa sehingga tahun 1929 apabila *Infant Life Preservation Act* 1929 (ILPA '29) diluluskan yang telah meminda kedudukan undang-undang 1861. Akta 1929 sebagaimana peruntukan Seksyen 1, tidak lagi menetapkan pengguguran sebagai satu kesalahan sekiranya ia dilakukan dengan suci hati bertujuan untuk menyelamatkan nyawa ibu mengandung melalui pengesahan doktor. Namun begitu, pengguguran tersebut hanya boleh dilakukan sebelum minggu ke 28 kandungan kerana ketika itu kandungan telah dianggap sebagai berpotensi untuk dilahirkan hidup (*capable of being born live*). Peruntukan Seksyen 1 ILPA '29 adalah seperti berikut:

Punishment for child destruction

- (1) *Subject as hereinafter in this sub-section provided, any person who, with intent to destroy the life of a child capable of being born alive, by any wilful act causes a child to die before it has an existence independent of its mother, shall be guilty of felony, to wit, of child destruction, and shall be liable on conviction thereof on indictment to penal servitude for life:*
 - *Provided that no person shall be found guilty of an offence under this section unless it is proved that the act which caused the death of the child was not done in good faith for the purpose only of preserving the life of the mother.*
- (2) *For the purpose of this Act, evidence that a woman had at any material time been pregnant for a period of 28 weeks or more shall be prima facie proof that she was at that time pregnant of a child capable of being born alive.*

Namun begitu, kedudukan undang-undang sebagaimana yang dinyatakan di atas masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak orang ramai yang tidak berpuas hati dengan kedudukan undang-undang pada masa itu. Perasaan tidak puas hati ini semakin memuncak selepas keputusan kes *R v. Bourne* [1939] 1 KB, 687, iaitu seorang pakar ginekologi telah dituduh di bawah Seksyen 58 OAPA 1981 kerana menjalankan prosedur pengguguran ke atas seorang gadis berumur 14 tahun yang mengandung akibat dirogol dengan kejam. Dalam kes ini, walaupun pakar tersebut telah didapati tidak bersalah, namun kedudukan undang-undang yang berkuatkuasa masih lagi kabur terutamanya berkait persoalan undang-undang sama ada pengecualian yang terdapat pada seksyen 1(1) ILPA '29 juga terpakai untuk pertuduhan di bawah Seksyen 58 OAPA 1861. Untuk itu, satu Jawatankuasa Penambahbaikan Undang-undang Pengguguran (*The Abortion Law Reform Association of 1936*) ditubuhkan pada tahun 1936, yang antara lain mencadangkan agar undang-undang pengguguran mesti dibuat dengan peruntukan yang lebih jelas. Hasilnya, *The Abortion Act 1967* yang berkuatkuasa pada 27 April 1968 diluluskan. Akta ini mengandungi peruntukan yang jelas berkait dengan prosedur pengguguran yang dibenarkan. Di bawah peruntukan Seksyen 1 akta ini, pengguguran hanya boleh

dilakukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan *National Health Service Hospital* atau dengan mana-mana agensi-agensi kesihatan yang diiktiraf sahaja. Pengguguran dibenarkan adalah untuk kandungan yang belum mencapai usia 28 minggu sahaja dengan pengesahan dua orang pengamal perubatan yang berdaftar atas alasan-alasan berikut (Marc Stauch et.al 2003, 444):

1. Meneruskan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa wanita yang hamil lebih besar daripada jika kehamilan ditamatkan.
2. Pengguguran itu adalah perlu untuk mengelakkan kecederaan kekal yang serius kepada kesihatan fizikal atau mental wanita yang hamil.
3. Meneruskan kehamilan itu akan melibatkan risiko lebih besar terhadap kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental dari wanita yang hamil berbanding jika kehamilan itu ditamatkan.
4. Meneruskan kehamilan itu akan melibatkan risiko kecederaan yang lebih besar kepada kesihatan fizikal atau mental mana-mana kanak-kanak yang sedia ada bagi keluarga wanita hamil tersebut berbanding jika kehamilan ditamatkan.
5. Terdapat risiko bahawa jika kanak-kanak itu dilahirkan, ia akan mengalami keabnormalan fizikal atau mental yang serius atau terdapat kecemasan yang diperakui oleh pengamal perubatan sebagai suatu yang mendesak dan perlu untuk menyelamatkan nyawa wanita yang hamil atau untuk mengelakkan kecederaan kekal yang serius kepada kesihatan fizikal atau mental wanita yang hamil.

Kemudiannya Human Fertilization and Embryology Act 1990 (HFEA) telah diluluskan yang mana Seksyen 37 akta ini telah membuat sedikit pindaan kepada Abortion Act 1967. Pengguguran atas alasan (3) dan (4) hanya boleh dilakukan dalam tempoh sebelum 24 minggu usia kandungan, manakala pengguguran atas alasan (1), (2) dan (5) boleh dilakukan bila-bila masa dan tidak dihadkan dalam tempoh tertentu (Hodgson 1981, 127).

Jika diperhatikan, akta ini tidak bermaksud pengguguran itu suatu yang sah secara mutlak dari segi perundangan tetapi ia tetap ditegah jika dilakukan melangkaui peruntukan-peruntukan yang dinyatakan. Ketegasan dalam peruntukan akta ini jelas kelihatan yang mana pengguguran hanya boleh dilakukan dengan mendapat pengesahan dari pegawai perubatan yang bertauliah dan pengesahan tersebut hanya boleh diberi tertakluk kepada syarat-syarat yang telah dinyatakan secara terperinci dalam akta itu.

Perkembangan Undang-undang Pengguguran di Republik Ireland

Republik Ireland dalam perkembangan terbarunya telah meluluskan satu undang-undang, *Protection of Life During Pregnancy Act 2013* (Akta 2013) yang membenarkan pengguguran dilakukan sekiranya melibatkan risiko kematian ibu yang mengandung dan juga risiko membunuh diri sahaja. Seksyen 7 dan 9 Akta 2013 tersebut telah memperuntukkan sebagaimana berikut:

Risk of loss of life from physical illness (Seksyen 7)

- (1) *It shall be lawful to carry out a medical procedure in respect of a pregnant woman in accordance with this section in the course of which, or as a result of which, an unborn human life is ended where:*
 - (a) *Subject to section 19, two medical practitioners, having examined the pregnant woman, have jointly certified in good faith that:*
 - (i) *there is a real and substantial risk of loss of the woman's life from a physical illness, and*
 - (ii) *In their reasonable opinion (being an opinion formed in good faith which has regard to the need to preserve unborn human life as far as practicable) that risk can only be averted by carrying out the medical procedure, and*

(b) That medical procedure is carried out by an obstetrician at an appropriate institution.

Risk of loss of life from suicide (Seksyen 9)

- (1) *It shall be lawful to carry out a medical procedure in respect of a pregnant woman in accordance with this section in the course of which, or as a result of which, an unborn human life is ended where:*
- (a) Subject to section 19, three medical practitioners, having examined the pregnant woman, have jointly certified in good faith that:*
 - (i) there is a real and substantial risk of loss of the woman's life by way of suicide, and*
 - (ii) In their reasonable opinion (being an opinion formed in good faith which has regard to the need to preserve unborn human life as far as practicable) that risk can only be averted by carrying out the medical procedure, and*
 - (b) That medical procedure is carried out by an obstetrician at an appropriate institution.*

Jika diperhatikan, Akta '67 dan Akta 2013 ini tidak bermaksud pengguguran itu suatu yang sah secara mutlak dari segi perundangan tetapi ia tetap ditegah jika dilakukan secara melangkaui peruntukan-peruntukan yang dinyatakan. Ketegasan dalam peruntukan akta ini jelas kelihatan yang mana pengguguran hanya boleh dilakukan dengan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan yang bertauliah dan pengesahan tersebut hanya boleh diberi tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang telah dinyatakan secara terperinci dalam akta itu. Namun dari segi perbandingannya, Akta 2013 telah memberi justifikasi perundangan yang lebih terhad berbanding justifikasi yang dibenarkan dalam Akta '67, ini kerana Akta 2013 hanya membenarkan satu justifikasi iaitu yang melibatkan risiko kematian kepada ibu mengandung sama ada disebabkan oleh faktor-faktor kesihatan akibat penerusan kandungan atau risiko membunuh diri.

Undang-undang Berkait Pengguguran Janin di Malaysia

Dalam konteks Malaysia, tidak terdapat satu peruntukan undang-undang yang khusus bagi mengawal aktiviti pengguguran ini sebagaimana yang terdapat dalam *Abortion Act 1967*. Namun begitu, secara praktisnya terdapat sesetengah situasi pengguguran dibenarkan menurut alasan-alasan perubatan dengan batasan-batasan tertentu seperti yang disebutkan dalam akta itu. Penamatan kehamilan (*terminations of pregnancy*) tanpa mengikut indikasi perubatan adalah bercanggah dengan Kod Etika Amalan Profesional (Code of Professional Conduct) oleh Pertubuhan Perubatan Malaysia (Malaysian Medical Council). Walaupun tidak ada satu akta khusus berkait dengan undang-undang pengguguran janin di Malaysia, namun Seksyen 312 Kanun Keseksaan (Akta 574) telah menetapkan perbuatan menyebabkan seseorang perempuan yang hamil gugur sebagai satu kesalahan jenayah. Seksyen 312 ini memperuntukkan seperti berikut:

Barangsiapa dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan yang hamil gugur hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga tahun, atau denda atau kedua-duanya; dan jika perempuan itu mengandung anak yang telah bersifat, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang sampai tujuh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

Wanita yang dimaksudkan dalam peruntukan tersebut termasuk juga wanita yang menggugurkan sendiri kandungannya (Kanun Keseksaan (Penal Code), Seksyen 312). Namun begitu peruntukan yang sama membuat pengecualian bagi kes perubatan di bawah pandangan pakar perubatan iaitu:

Pengecualian – Seksyen ini tidak diperluaskan kepada seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 yang menamatkan kehamilan seseorang perempuan jika pengamal perubatan tersebut berpendapat, dengan suci hati, bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa perempuan yang hamil itu, atau kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan hamil itu, yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.

Peruntukan di atas jelas telah membataskan pengguguran hanya boleh dilakukan dengan alasan yang dinyatakan sahaja dan oleh pengamal perubatan yang berdaftar sahaja (Halsbury's Laws of Malaysia 2007, 519). Dalam satu kes duluan PP v. Dr. Nadason Kanagalingam [1985] 2 MLJ 122, seorang ginekologi telah dituduh di bawah Seksyen 312 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja menyebabkan seorang perempuan mengandung keguguran yang mana prosedur pengguguran tersebut telah dilakukan bukan dengan suci hati untuk menyelamatkan nyawa atau mengelakkan kecederaan teruk kepada fizikal atau mental wanita tersebut. Tertuduh dalam kes ini telah disabitkan bersalah. Hakim yang mendengar kes ini antara lainnya telah menyatakan dalam penghakimannya bahawa yang tertuduh telah gagal memberi alasan yang munasabah dan telah gagal mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memeriksa wanita tersebut bagi memastikan prosedur pengguguran yang diambil adalah demi untuk menyelamatkan nyawanya. Malahan tiada bukti yang nyawa mahupun keadaan mental dan fizikal wanita tersebut berada dalam keadaan bahaya atau terdedah kepada risiko kecederaan yang besar sekiranya kehamilan diteruskan.

Peruntukan perundangan yang dinyatakan di atas juga dilihat bertepatan dengan keputusan-keputusan fatwa yang pernah dikeluarkan sebelum ini. Dapat diperhatikan di sini keterikatan keputusan fatwa dan peruntukan perundangan dengan fakta perubatan yang dibuat oleh pakar perubatan dalam bidang berkaitan. Di peringkat antarabangsa, keputusan Fatwa Majma' al-Fiqh al-Islami yang bersidang di Mekah pada 10-17 Februari 1990 dan fatwa ulama-ulama Arab Saudi No.140 bertarikh 20.6.1407H mengharuskan pengguguran pada tahap awal iaitu sebelum 40 hari apabila penguguran tersebut mendatangkan *masalah* menurut syarak atau mengangkat kemudaratan, memudaratkan nyawa ibu sekalipun selepas empat bulan dan tiada kaedah lain yang ditemui dan kecacatan teruk yang membahayakan nyawa ibu sebagaimana diputuskan dalam fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam kali ke 26 pada 7 Mac 1990 (JAKIM 2009, 84). Keputusan ini dilihat telah mengambil kira pentarjihan antara *masalah* menyelamatkan nyawa ibu dengan *mafsadah* sekiranya meneruskan kehamilan. Kaedah fiqh ada menyatakan bahawa 'kemudaratan itu mesti dihilangkan' (al-Nadawiy 2004, 287).

Berdasarkan kepada peruntukan Kanun Keseksaan (Akta 574) tersebut dan fatwa-fatwa yang telah dibuat, dapat disimpulkan bahawa telah wujud garis panduan dari sudut perundangan dan agama berkaitan justifikasi keharusan pengguguran yang perlu mengambil kira fakta perubatan dan situasi darurat yang timbul dan ia hendaklah diambil berat oleh semua yang terlibat termasuklah ibu yang mengandung, para bidan, bomoh mahupun pengamal perubatan.

Hubungan Antara Pencegahan dan Hak Janin untuk Hidup

Meskipun seksyen 312 Akta 574 tersebut memperuntukkan jaminan untuk hidup bagi janin yang masih dalam kandungan, seksyen-seksyen lain juga mempunyai kaitan dalam memastikan hak anak ini untuk terus hidup seperti yang terkandung di bawah Seksyen 313, 314, 315, 316, 317 dan 318 Kanun Keseksaan. Kupasan hanya bertumpu kepada Seksyen 312 sahaja.

Setelah meneliti keterangan yang terdapat di bawah peruntukan seksyen 312, beberapa perkara telah dikenalpasti menjadi penanda aras bahawa peruntukan seksyen ini dilihat sebagai telah menjamin hak janin untuk hidup seterusnya boleh dianggap strategi yang membolehkan tercapainya salah satu objektif Dasar Sosial Negara seperti yang dinyatakan sebelum ini. Perkara tersebut adalah berdasarkan kepada empat fakta iaitu penguguran dianggap sebagai satu jenayah, hukuman berbeza dikenakan mengikut umur janin, hanya penguguran terapeutik dibenarkan dan keterikatan dengan Akta Perubatan 1971 (Medical Act 1971).

Pengguguran Dianggap sebagai Satu Jenayah

Berdasarkan seksyen ini, pengguguran dilihat sebagai satu jenayah homisid kerana ia dilakukan dengan sengaja (K.D. Gaur 1985, 501) dan tidak boleh dikategorikan sebagai *miscarriage*. Perbuatan ini adalah suatu kesalahan yang tidak boleh diterima dan melampaui norma-norma yang sepatutnya di

samping mempunyai unsur kezaliman melainkan ia berlandaskan alasan-alasan perundangan yang dinyatakan dalam seksyen tersebut.

Hukuman Berbeza Dikenakan Mengikut Umur Janin

Hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan yang menyebabkan keguguran anak yang sudah bersifat adalah lebih berat berbanding anak yang belum bersifat (Anita 2000, 1). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa betapa seriusnya kesalahan menggugurkan janin yang telah bersifat berbanding menggugurkan janin yang belum bersifat. Perbezaan ini adalah kerana perbuatan menggugurkan anak yang sudah bersifat dan menyebabkan kematiannya dilihat lebih menghalang hak anak untuk hidup kerana potensinya untuk dilahirkan hidup adalah lebih dekat dan besar berbanding situasi kedua. Meskipun begitu hal ini tidak menafikan hak anak yang belum bersifat untuk mengecapi kehidupan.

Hanya Pengguguran Terapeutik Dibenarkan

Kebenaran melakukan pengguguran menurut Seksyen 312 tertakluk kepada syarat-syarat dan dalam keadaan yang tertentu sahaja seperti yang dinyatakan sebelum ini. Hanya pengguguran terapeutik dibenarkan dan jenis-jenis pengguguran lain dikira sebagai bertentangan dengan undang-undang dan merupakan suatu kesalahan. Faktor-faktor kebenaran tersebut adalah:

1. Kehamilan yang mengancam nyawa ibu

Terdapat beberapa kondisi yang mengancam nyawa ibu hamil seperti ibu yang menghidap PIH (*Pregnancy Induced Hypertension*), eklampsia (sawan), sakit jantung (Kenneth et.al 1992, 571) dan kanser. Selain itu Shah Reza Johan (2007), menyatakan bahawa mengalami kemalangan yang boleh menyebabkan trauma dan polytrauma juga dianggap membahayakan nyawa ibu. Trauma merujuk kepada luka atau kecederaan fizikal dan polytrauma pula bermaksud luka atau patah yang lebih teruk seperti pada pelvis, pendarahan kepala, servik atau pendarahan dalam abdomen (*intra abdominal bleeding*) (Kamus Jururawat 2001, 565).

Tekanan darah yang terlampau tinggi (PIH) boleh menyebabkan salur darah di otak pecah dan berlaku pendarahan otak yang boleh menyebabkan ibu menjadi koma. Bagi yang mengalami eklampsia pula, sejenis 'racun' berpotensi dikeluarkan dan memberi kesan kepada menguncupnya saluran darah serta menjadikannya mudah ditembusi cecair darah. Ini boleh menyebabkan berlakunya kerosakan pada organ penting seperti buah pinggang, hati dan otak. Keadaan yang tidak terkawal boleh menyebabkan saluran darah ke otak pecah dan tumpah ke dalam tisu otak seterusnya menyebabkan ibu mendapat sawan beranak (Shah Reza Johan 2007).

Pada peringkat ini, ibu hamil tersebut berhadapan dengan keadaan yang sangat bahaya (Muhammad Ali 1995, 433) dan sebahagian mereka akan menemui maut. Ibu yang menghidap sakit jantung juga boleh diklasifikasikan sebagai situasi yang meletakkan ibu hamil dalam kemudaratan. Hal ini kerana semasa hamil jumlah sel darah merah semakin bertambah dan jantung perlu menggandakan proses mengepamnya. Oleh itu jantung akan terbeban dan ini boleh mengancam nyawa ibu tersebut yang mana terdapat 25 peratus peluang untuk hidup berdasarkan fakta perubatan (Mohd Zulkifli 2007).

Shah Reza Johan (2007) juga menyatakan bahawa rawatan radioterapi dan kimoterapi bagi merawat kanser pada ibu hamil juga meletakkan diri mereka dan janin dalam bahaya kerana ubat yang digunakan adalah sejenis kimia yang sangat kuat. Kehamilan yang berlaku semasa proses kimoterapi akan dinasihatkan digugurkan ketika umur kandungan di bawah 24 minggu. Bagi kemalangan yang dialami oleh ibu hamil pula ialah kemalangan yang menyebabkan patah yang teruk pada tulang pelvis sehinggakan gagal untuk bersalin dan berlaku ICB (*Intracranial Bleeding*) iaitu pendarahan tulang tengkorak kesan daripada kecederaan kepala yang boleh mengancam nyawa ibu dan anak.

2. Kecacatan janin yang teruk

Pengguguran janin kerana kecacatan yang teruk adalah biasa dijalankan di hospital kerajaan mahupun swasta meskipun tidak terdapat peruntukan undang-undang mengharuskannya, berdasarkan kepada pendapat klinikal pengamal perubatan sendiri apabila adanya risiko kepada ibu (Tengku Noor Azira 2012).

Kecacatan tersebut sama ada sudah tersedia ada semasa dalam kandungan seperti tulang-tulang yang tidak bersambung dengan sempurna atau keadaan janin yang didapati patah tulang tanpa diketahui faktor penyebabnya. Ibu biasanya akan dinasihatkan supaya menggugurkan kandungan kerana janin tidak boleh membesar dengan sempurna dan boleh menyebabkan kematian selepas bersalin (Shah Reza Johan 2007). Sebagai contoh dalam kes *anencephaly*, iaitu janin terbentuk tanpa otak atau tengkorak atau sebahagian daripadanya dan *spina bifida*.

Umumnya ia lebih kepada kecacatan janin jenis *congenital defects*, iaitu kecacatan atau kerosakan yang berlaku pada janin yang sedang membesar yang boleh dikenalpasti melalui pemeriksaan *amniocentesis*, *chorionic vill sampling*, *ultrasound* atau *ultrasonography*.

3. Ibu mengalami gangguan mental yang teruk

Menurut Mohd Zulkifli (2007), contoh gangguan mental yang teruk boleh berlaku kesan daripada kes rogol atau menghidap HIV. Dalam menentukan tahap keseriusannya yang boleh mengancam ibu hamil dan janin, ia perlu disahkan oleh pakar psikiatri (Mohd Zulkifli 2007). Pengesahan kepada indikasi-indikasi di atas perlu dilakukan oleh mereka yang pakar dalam bidang berkaitan dengan kawalan yang ketat.

Justifikasi perundangan dan perubatan yang dinyatakan di atas didapati sedikit berbeza dengan pendapat ahli-ahli fiqh Islam. Ahli-ahli fiqh Islam bersepakat mengharamkan pengguguran janin selepas empat bulan (al-Qaradhawi 1980, 169) berdasarkan hujah yang kuat. Janin yang telah bernyawa dikira sebagai satu jiwa (manusia) dan haram membunuhnya tanpa sebab yang dibenarkan oleh syarak (Umar 2001, 169). Hal ini kerana ia sudah dianggap individu yang dihormati di sisi syarak (Muhammad Naim 1996, 195) yang termasuk dalam kategori *al-nafs* seperti dalam firman Allah:

أَكَاْنِإِنَّهٗ،ٱلْفَتْلِفِىْءِىْسْرِءِفَلَا سُلْطٰنٰنَا لَوٰلِىِّهٖۚ جَعَلْنٰمَاقَدَمْطُلُوْمَٱفْتِلٍوَمَنْۢبِٱلْحَقِّإِلَّاٱللَّهُحَرَّمَٱلَّتِىٱلنَّفْسُتَقْتُلُوْٱلَا

منصور

Maksudnya:

Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampau dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum syarak).

(al-Isra': 33)

Keterangan yang sama juga dapat dilihat dalam surah al-Isra' ayat 70 dan surah al-Maidah ayat 32 berikut:

تَفْضِیْلًا خَلَقْنٰمِمَّنْ كَثِیْرٍعَلٰى وَفَضَّلْنٰهٗمُٱلطَّیْبِیْنَۚ وَرَزَقْنٰهٗمُٱلْبَحْرِٱلْبَرِّیْ وَحَمَلْنٰهٗمُءَاْدَمَۢبْنِیْ كَرَمًاوَلَقَدْ

منصور

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah muliakan anak-anak Adam, dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di lautan, dan Kami telah berikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan.

(al-Isra': 70)

جَمِيعًا النَّاسَ قَتَلَ فَكَأَنَّمَا الْأَرْضُ فِي فَسَادٍ أَوْ نَفْسٍ بَغَيْرِ نَفْسٍ قَتَلَ مِنْ أَنَّهُ إِذْ يَلْبَسُ عَلَى كَتَبْنَا ذَٰلِكَ أَجَلٍ مِنْ
الْأَرْضِ فِي ذَٰلِكَ بَعْدَ مَنَّهُمْ كَثِيرًا إِنْ تُرَبِّيًا لَيَبْنَتِ رُسُلُنَا جَاءَ تَهُمُ وَلَقَدْ جَمِيعًا النَّاسَ أَحْيَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا هَا وَمِنْ
لَمَسْرِ فُور

Maksudnya:

Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israil bahawasanya sesiapa yang membunuh diri seseorang dengan tidak ada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olahnya dia telah membunuh manusia semuanya.

(al-Maidah: 32)

Ibnu Kathir menghuraikan ayat 33 surah al-Isra' sebagai haram membunuh tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak sahaja iaitu kerana membunuh, berzina dan ia seorang yang *muhsan* atau orang yang murtad (Ibnu Kathir 1997, 42). Di samping itu ayat 70 surah yang sama juga bermaksud Allah memuliakan Bani Adam dengan suatu kemuliaan yang berbeza dengan makhluk yang lain (Ibnu Kathir 1997, 55) dan tidak halal darah mereka tanpa alasan yang dibenarkan tersebut. Dalam ayat 32 surah al-Maidah pula dibuat perumpamaan orang yang membunuh tanpa hak seolah-olah membunuh semua manusia dari segi balasan yang akan diterima (al-Qurtubi 1996, 144). Daripada dalil-dalil di atas difahami bahawa haram melakukan pembunuhan terhadap mana-mana individu termasuk janin kecuali dengan sebab yang dibenarkan oleh syarak (Muhammad Naim Yasin 1996, 195).

Kesimpulannya, ahli-ahli fiqh bersepakat mengharamkan pengguguran janin selepas ditiupkan roh walaupun terdapat tanda-tanda kerosakan anggota atau sistem organ janin yang serius. Namun begitu terdapat kelonggaran mengharuskannya sekiranya dengan mengekalkan janin berusia 120 hari tersebut dalam kandungan akan mendatangkan kemudaratan kepada nyawa ibu (JAKIM 2009, 85). Hal ini menunjukkan dari sudut perubatan, hukum *rukhsah* dan pengaplikasian kaedah syarak sangat diperlukan dalam menyelesaikan isu perubatan yang menyentuh keselamatan nyawa wanita hamil (Siti Khatijah 2009, 58).

Peruntukan Seksyen 312 juga dilihat memberi kelonggaran kepada pengamal perubatan untuk membenarkan pengguguran janin sekiranya beliau berpendapat, dengan suci hati, bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko kepada nyawa perempuan yang hamil atau kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan hamil itu, yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan. Oleh itu peruntukan seksyen ini didapati sedikit berbeza dengan pendapat ahli-ahli fiqh Islam, di mana seksyen tersebut membenarkan pengguguran dibuat sekiranya melibatkan risiko kecederaan kepada kesihatan mental mahupun fizikal wanita yang mengandung tanpa menentukan usia kandungan tersebut.

Keterikatan dengan Akta Perubatan 1971 (Medical Act 1971)

Apabila hanya pengguguran terapeutik sahaja dibenarkan di bawah Seksyen 312 ini, maka kebenaran melakukannya terikat dengan Akta Perubatan 1971. Mengikut akta ini, hanya doktor yang berdaftar di bawah akta ini sahaja dibenarkan menjalankan prosedur pengguguran.

Merujuk kepada perkataan 'dengan suci hati' yang terdapat di bawah seksyen ini, ia bermaksud tidak dikatakan dengan suci hati sekiranya sesuatu dilakukan atau dipercayai dengan tiada hemat dan cermat. Oleh itu, seorang doktor mesti menggunakan kepakarannya dengan betul dalam mengenalpasti langkah-langkah sebaiknya sebelum bertindak melakukan pengguguran dengan mengambil kira semua faktor seperti adakah pengguguran merupakan langkah terbaik untuk mengelak nyawa ibu daripada terancam. Pertimbangan pegawai perubatan dalam membuat keputusan membenarkan pengguguran tersebut hendaklah semata-mata atas pertimbangan perubatan dan bukannya pertimbangan perniagaan dan sebagainya. Dalam hal ini persoalan fakta menjadi perkiraan utama bukannya persoalan undang-undang yang telah digubal dengan jelas.

Kesimpulan

Secara asasnya, pengguguran adalah suatu jenayah menurut undang-undang dan haram menurut perspektif Islam. Islam mahupun undang-undang menganggap tindakan ini sebagai membunuh satu jiwa dan melanggar etika, moral dan norma kemanusiaan. Namun begitu beberapa justifikasi telah diperuntukkan untuk tidak menafikan hak ibu yang dilihat lebih besar kepentingannya apabila berhadapan dengan situasi terdesak seperti yang melibatkan nyawanya terancam. Oleh itu terdapat kelonggaran dalam mengharuskan pengguguran dilakukan dengan alasan yang benar yang disahkan oleh pengamal perubatan bertauliah. Kelonggaran yang diberi pula tidak sampai ke tahap menafikan hak anak untuk hidup kerana ia dilakukan dalam ruang lingkup yang amat terbatas.

Rujukan

- 'Abdallah 'Ubadah. t.th. *Al-Tib fi al-Quran*. Riyadh: Dar al-Rifa'iy.
- Abdul Rahman Awang. 2006. Human rights: An Islamic perspective. *Jurnal Syariah* 14 (Jan-Jun): 23-34.
- Ahmad Muhammad Kan'an. 2000. *Al-Mawsu'ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Anita Abdul Rahim. 2000. Jenayah Homisid. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- al-Bar, Muhammad 'Ali. 1995. *Khalk al-Insan Bayna al-Tib wa al-Quran*. Ulang cetak. Dammam: Saudi Publishing and Distributing House.
- Agence France-Prese (AFP). 2012. Kastam cuba banteras penyeludupan pil daripada mayat bayi. *Berita Harian*. <http://www.bharian.com.my>. [12 Ogos 2012].
- al-Fayyumiyy, Ahmad bin Muhammad bin 'Aliy. t.th. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarah al-Kabir*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Fortin, J. 1998. Legal Protection for the Unborn Child. 51 MLR 54.
- George B.J. Jr., J.D. 1992. *State Legislatures Versus the Supreme Court: Abortion Legislation into the 1990s*. Ed 4. New York: Facts on File.
- Halsbury's Laws of Malaysia. 2007. v. 9(1).
- Harpwood, Vivienne. 1996. *Legal Issue in Obstetrics*. Dartmouth: t.pt.
- Hodgson, Jane E. 1981. *Abortion and Sterilization: Medical and Social Aspects*. London: Academic Press Grune and Stratton.
- Ibnu Kathir, 'Imad al-Din Abu al-Fida'. (1997). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2003. Dasar Sosial Negara. Putrajaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2009. Keputusan fatwa muzakarah Jabatan Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 26 pada 7-8 Mac 1990. Kuala Lumpur: JAKIM.
- K.D.Gaur. 1985. *Criminal Law: Cases and Materials*. Ed. Ke-2. Bombay: N.M ripathi Ptd Ltd.
- Kamus Jururawat. 2001. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Kanun Keseksaan (Penal Code), Seksyen 312.
- Kenneth R., Niswander dan Manual Porto. 1992. *Abortion Practice in the United States: A Medical Viewpoint*. New York: Facts on File.
- Mahmud Musa 'Abd Allah. t.th. *Al-Mujiz fi al-Tib al-Syar'i wa 'Ilmi al-Sumum*. Iskandariyyah: Muassasah Syabab al-Jami'ah.
- Malaysian Medical Council (MMC). 2012. Malaysian Medical Council Guideline and Application Form for New Annual Practising Certificate. <http://www.mmc.gov.my/>. [13 Ogos 2012].
- Mason, JK. 1990. *Medico-Legal Aspects of Reproduction and Parenthood*. Aldershot: Dartmouth.
- McLaren, A. 1978. *Birth Control in Nineteenth-Century England*. London: Croom Helm.
- Mohd. Zulkifli bin Mohd Kasim. 2007. Temu bual, 15 Mei.
- Muhammad Na'im Yasin. 1996. *Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya Tibbiyyah Mu'asarah*. Amman: Dar al-Nafais.
- Mustafa Ibrahim, Ahmad Hasan, Hamid Abd al-Qadir & Muhammad 'Ali.(1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Nadawi, Ali Ahmad. 2004. *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Norlaila Hamima Jamaluddin. 2012. Risiko Kehamilan Tidak Dirancang. *Harian Metro*. (<http://www.hmetro.com.my>. [12 Ogos 2012])
- Oxford Dictionary of Law. 1997. Ed. Ke-4. Oxford: Oxford University Press.
- al-Qaradhawi, Yusuf. 1980. *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Ulang cetak. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- Ratanlal and Dhirajlal's Law of Crimes. 1998. v. 2, 24 ed.
- Shah Reza Johan Noor. 2007. Temu bual, 18 Disember.
- al-Siba'i, Saif al-Din. 1975. *Al-Ijhad Bayna al-Fiqh wa al-Tib wa al-Qanun*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Siti Khatijah Ismail. 2009. Analisis hukum terhadap rawatan perbidanan. Tesis Ijazah Sarjana Syariah. Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya.
- Stauch, M., Wheat K, & Tingle, J. 2002. *Sourcebok on Medical Law*, Ed. Ke-2. Sydney: Cavendish Publishing.
- Tengku Noor Azira Tengku Zainudin. 2012. Perlindungan undang-undang ke atas embrio dan janin: Perspektif undang-undang mengenai pengguguran di Malaysia. *Malaysian Law Journal*: 223-234. <http://www.mlj.com.my/articles>. [13 Ogos 2012]
- 'Umar bin Muhammad bin Ibrahim Ghanim. 2001. *Ahkam al-Janin fi al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Vivienna Harpwood. 1996. *Legal Issue In Obstetrics*. Dartmouth: t.pt.
- Warren, M.A. 1997. On the moral and legal status of abortion. *International Journal of General Philosophical Inquiry (The Monist)*, 57(4): 434-440

SITI KHATIJAH ISMAIL

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: khatijah@unisza.edu.my

MOHD BADROL AWANG

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Terengganu, MALAYSIA.
Emel: badrolawang@unisza.edu.my